

UCAPAN AKHIR YAB
DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH
YANG DI PERTUA BAKTI
DALAM MESYUARAT AGUNG KEENAM

Dengan tidak ada lagi perbincangan, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada para hadirin atas kerjasama yang diberi dan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa tadbir 1982/83 atas khidmat mereka sepanjang tahun lalu hingga kini. Saudari-saudari telah memilih jawatankuasa yang baru dengan bijak dan saya berharap, dengan panduan dari semua ahli biasa dan bersekutu, jawatankuasa ini akan merancangkan beberapa aktiviti-aktiviti yang akan mendatangkan faedah bersama kepada kita.

2. Semoga Allah Subhanahu Wataala memberkati usaha kita dan mencucuri taufik dan hidayahNya kepada kita semua untuk berkhidmat bakti.

3. Kepada ahli-ahli beragama Islam, saya ucapkan selamat menyambut bulan Ramadhan dan kepada ahli-ahli lain diucapkan selamat bahagia dan sihat selalu. Mesyuarat agung ini ditutup. Terima kasih.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
